

# Kebebasan perlu ada batas: PM

W  
Oleh JAILANI HARUN

BN 25 AUG 1990

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan rakyat supaya jangan taksub dengan kebebasan sehingga sanggup melanggar perintah Allah.

Beliau berkata, kebebasan dalam sesebuah negara demokrasi seperti Malaysia perlu ada hadnya dan tidak harus digunakan sesuka hati, seperti yang wujud di negara Barat hari ini.

Melancarkan Bulan Bakti Reli peringkat kebangsaan di Sekolah Menengah Sri Mahawangsa, Jitra, dekat sini, beliau menegaskan bahawa kebebasan yang melampau adakalanya boleh meruntuhkan demokrasi.

"Kita tidak boleh membiarkan kebebasan sampai ke tahap gila, di mana ada orang boleh berboigel dan berbuat apa saja. Keadaan ini berlaku di beberapa negara Barat, termasuk Amerika Syarikat.

"Janganlah kita terlalu taksub dengan kebebasan sehingga kita sanggup melanggar perintah Allah. Apa yang kita hendak daripada demokrasi ialah sebuah negara yang aman makmur tanpa

perpecahan dan kekacauan. Ia mestilah menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.

"Inilah demokrasi Malaysia, bukannya demokrasi Amerika. Itulah hak kita," katanya.

Mengenai kebebasan akhbar, Dr Mahathir berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak akan teragak-agak bertindak ke atas mana-mana akhbar yang menyiarkan laporan berbentuk sentimen perkauman ataupun yang mencetuskan keresahan di kalangan rakyat.

"Kita akan bertindak, biar pun negara asing akan mengecap kita sebagai tidak demokratik jika kita menutup akhbar itu," katanya.

Beliau berkata, kebebasan yang diberikan itu kadangkala mendorong segelintir rakyat bersikap melampau sehingga sanggup membentuk pakatan untuk menggulingkan kerajaan.

"Malaysia hari ini menjadi negara contoh di dunia kerana sistem demokrasi dan dasar pembangunannya. Ini menarik minat dunia.

"Serombongan 30 pegawai tinggi Nigeria, termasuk beberapa menterinya, akan melawat negara ini tidak lama lagi kerana mereka berminat mempelajari cara kita membangunkan Malaysia," katanya.